

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 12 MAC 2015

SOALAN :

YB Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai semua kolej atau universiti perubatan yang mempunyai sangkutan klinikal (*Clinical Attachment*) dengan Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Universiti.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat 3 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 5 Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menggunakan Hospital Kuala Lumpur sebagai tempat latihan klinikal pelajar perubatan iaitu:

1. Universiti Putra Malaysia (UPM);
2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
3. Universiti Teknologi MARA (UiTM);
4. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR);
5. Universiti Perdana;

6. Kolej Universiti MAHSA;
7. Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS); dan
8. Management & Science University (MSU)

Kesemua Institusi Pengajian Tinggi tersebut telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tujuan tersebut.